



**1. PEGAWAI PELANCONGAN  
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = 1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan Perhotelan / Pemasaran / Pengurusan Perniagaan dan Kewangan / Mass Komunikasi (*Mass Communication*) atau bidang bersesuaian.  
  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut adalah kelebihan.
2. Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pengurusan pelancongan adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELANCONGAN:**

1. Membuat perancangan dan perlaksanaan mengenai perkembangan produk pelancongan, promosi dan pemasaran dan peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan pelancongan di Negara Brunei Darussalam.
2. Menghadiri mesyuarat / persidangan / kursus / seminar yang berkaitan dengan bidang pelancongan dalam dan luar negara.
3. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dalam usaha menggalakkan dan memajukan industri pelancongan antaranya:-
  - i. Menyelaras lawatan suaikenal dan agensi pelancongan luar negeri.
  - ii. Menyelaras penerbitan risalah-risalah promosi pelancongan.
  - iii. Menganjurkan dan mengendalikan kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang pelancongan.
  - iv. Menyelaras dan menyediakan persiapan-persiapan bagi menyertai pameran-pameran di dalam dan luar negara
  - v. Menyelaras dan menyediakan statistik mengenai pelancongan.
4. Bertanggungjawab melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai atasan yang lain dari semasa ke semasa.